

NO. SOALAN: 34

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : LAKSAMANA PERTAMA
MOHAMAD IMRAN BIN ABD HAMID (B)
[LUMUT]**

TARIKH : 8 APRIL 2015

RUJUKAN : 7627

SOALAN:

Laksamana Pertama Mohamad Imran bin Abd Hamid (B) [Lumut] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status siasatan Report Polis No. 65/2002 di Balai Polis Sitiawan Perak oleh Encik Wong Kee Teh @ Ling Ging Chai ke atas Ling Leong Peng kerana melesapkan wang syarikat dan apakah penemuan dan tindakan ke atas kes ini. Kelewatan siasatan seolah-olah berlakunya ketidakadilan kepada pihak Wong Kee Tee @ Ling Ging Chai. Adalah dikatakan Ling Leong Peng merupakan seorang peguam yang berpengaruh.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

PDRM telah menjalankan siasatan bersabit Sitiawan Report 65/2002 di bawah seksyen 420 Kanun Keseksaan pada 29 Mac 2003. Pengadu dalam kes ini adalah seorang pengarah dan pemegang saham dalam Syarikat Pemaju Perumahan Sukma Dayang Sdn Bhd. Kertas siasatan telah dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya kali terakhir pada 27 Januari 2015. Memandangkan keputusan Jabatan Kimia tidak konklusif, dan pengadu tidak dapat mengemukakan sampel tandatangan pada tahun 2000, serta tiada keterangan mengenai siapa yang kreditkan cek ke akaun suspek, maka pihak Timbalan Pendakwaraya menasihatkan kes di KUS (kemas untuk simpan) sehingga ada perkembangan lanjut.